

PM punyai keperluan lantik timbalan pada masa ini

UM 12 NOV 2003

OKINAWA (Jepun) 11 Nov. — Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mempunyai keperluan untuk melantik timbalannya pada masa ini tanpa menunggu sehingga pemilihan UMNO tahun depan.

Bekas Perdana Menteri berkata, bagaimanapun terserah kepada Abdullah selaku Perdana Menteri dan Presiden UMNO untuk membuat keputusan bila pelantikan itu wajar dilakukan.

Katanya, Abdullah juga wajar diberi pilihan untuk membuat keputusannya sendiri berhubung siapa yang mahu dilantik.

“Dalam kes saya dulu, saya tunggu sehingga berakhir pemilihan UMNO untuk mendapat timbalan presiden. Selepas itu barulah saya lantik Timbalan Perdana Menteri (Tan Sri Musa Hitam).

“Bagaimanapun dalam kes Pak Lah, pemilihan UMNO masih lama lagi dan pada andaian saya ada keperluan untuk membuat pelantikan pada masa ini,” katanya kepada wartawan Malaysia ketika ditemui selepas menghadiri Forum Globalisasi 2003 di sini hari ini.

Dr. Mahathir ditanya mengenai kenyataan Abdullah pada sidang akhbar pertamanya sebagai Perdana Menteri minggu lalu bahawa beliau akan melantik timbalannya apabila tiba masa yang sesuai.

Isu pelantikan Timbalan Perdana Menteri terus menjadi perhatian ramai dan Abdullah berharap semua pihak bersabar menunggu pengumuman mengenainya dan tidak membuat spekulasi.

Dua Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Tan Sri Muhyiddin Yassin antara yang disebut-sebut akan menyandang jawatan itu.

Ditanya perasaan beliau mengenai rakyat Malaysia yang merasakan kehilangannya sejak bersara 31 Oktober lalu, Dr. Mahathir berkata, beliau tersentuh jika ada yang merasakan begitu.

“Saya fikir rakyat akan dapat membiasakan diri dengan kepimpinan baru,” katanya.

Bekas Perdana Menteri juga melahirkan rasa rendah hati kepada rakyat pelbagai kaum yang masih terus menyatakan penghargaan kepada beliau dalam pelbagai bentuk termasuk iklan, e-mel, surat dan kad ucapan.

“Rakyat Malaysia harus merasa bersyukur dan berbangga kerana Malaysia yang mempunyai pelbagai kaum dan agama terus hidup harmoni dan aman berbeza dengan masyarakat majmuk di negara lain,” katanya.

Mengenai forum tersebut iaitu yang pertama disertai selepas persaraannya, Dr. Mahathir berkata, ia merupakan forum yang menarik. — *Utusan*